

SPDP bukti Sarawak terima parti pelbagai kaum

KUCHING 5 Ogos - Kejayaan Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) memenangi semua lapan kerusi yang ditandingi dalam pilihan raya negeri Mei lalu membuktikan parti dianggotai pelbagai kaum itu diterima di Sarawak.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, kejayaan itu juga membuktikan bahawa parti tersebut dapat memenuhi cita rasa dan aspirasi rakyat Sarawak berbilang bangsa.

"Saya berharap SPDP boleh memainkan peranan dalam merealisasikan janji-janji kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi memuaskan hati semua kaum, seiring dengan, keanggotaan parti itu," katanya pada Mesyuarat Agung Tahunan SPDP di Santubong dekat sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. George Chan.

Mesyuarat tersebut dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Abdul Taib, perpaduan kaum di Sarawak menjadi kelebihan untuk kerajaan BN menjayakan, politik Pembangunan menjelang tahun 2020.

Menurutnya, tanpa perpaduan kaum yang jitu, Pembangunan dicapai hari ini tidak mungkin dapat dikecapi oleh rakyat Sarawak.

Katanya, dengan kestabilan politik dan kaum di Sarawak, ia membolehkan kerajaan negeri memberi tumpuan dalam menjayakan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Kerajaan BN Sarawak juga akan memberi tumpuan ke arah pembangunan modal insan bagi memastikan pencapaian ekonomi mampan serta perpaduan jitu, selaras dengan sifat Sarawak sebagai negeri pelbagai kaum," katanya.

Sementara itu, Presiden SPDP, Datuk William Mawan dalam ucapannya berkata, walaupun baru berusia empat tahun, parti itu sudah mempunyai ahli sebanyak 80,000 orang.

Katanya, SPDP sudah membuktikan parti itu matang dalam usia muda dan standing dengan lain-lain parti komponen BN.

"SPDP menjadi lambang kepada perpaduan kaum di Sarawak kerana ia dianggotai pelbagai bangsa seperti Iban, Bidayuh, Cina, Orang Ulu, Melayu, Melanau, Bisayah, Kedayan dan India," katanya.

Menurutnya, menerusi SPDP, komuniti kecil lain seperti Kedayan dan Bisayah kini sudah mempunyai wakil di Dewan Undangan Negeri (DUN) negeri selepas menang pada pilihan raya negeri lalu.